



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of
Corporate Affairs
UTM Kuala Lumpur

Office of Corporate Affairs
Level 16, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Fax: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Email: corporate@ic.utm.my

OUR REF.:

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

MAJLIS PELANCARAN BUKU CORAT-CORET UTM

Putrajaya, 20 Januari 2016 – UTM sekali lagi melakar sejarah tersendiri dalam bidang penerbitan apabila buku kartun terbitan pertamanya berjudul Corat-Coret UTM dilancarkan hari ini. Buku hasil sentuhan Raja Kartun Malaysia Datuk (Dr) Mohd. Nor Khalid atau Datuk Lat ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Beliau berharap langkah kreatif UTM ini di contohi oleh Universiti Awam yang lain. Dalam usaha menerbitkan buku berbentuk penyelidikan yang padat dengan teori dan hasil penyelidikan, medium perkongsian haruslah menarik dan mudah difahami oleh semua golongan agar berkesan usaha mewarwarkan pencapaian Universiti Awam.

Selain Datuk Lat, yang merupakan Karyawan Tamu UTM bermula 2009-2011, turut menyumbang idea dalam buku ini adalah Abdul Hilmy Abdullah (Kartunis Mie) dan Amir Astar Lukman (kartunis Amir Astar) serta Mahmud Mohamad Jusan (Mahmud Jusan) yang juga Alumni UTM. Buku ini bukanlah buku humor biasa kerana ia dipersembahkan dalam bentuk karikatur yang santai, penuh makna dan emosi. Buku ini menggambarkan pengalaman penulis sepanjang berada di UTM sebagai karyawan tamu.



INTELLECTUAL
PROPERTY AWARD 2010
Organization Category
2005, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009
Outstanding Scholastic Achievement and
Health, Science & Technology



Reader's Digest
TRUSTED BRAND 2010
University Category

Buku ini mengimbau nostalgia zaman mahasiswa dan dipersembahkan dalam bentuk kartun ini amat berbeza persembahannya dengan buku lain di pasaran. Ia adalah merupakan kisah benar yang penuh kenangan bagi mereka yang bergelar Alumni UTM.

Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar yang turut hadir dalam majlis ini menyatakan buku ini begitu istimewa sifatnya. Lebih istimewa lagi kerana ia menyentuh UTM secara keseluruhan. Jauh lebih istimewa dari itu, ialah paparan dalam UTM. Corat-Coret UTM ini merakamkan sejarah, corak dan pengalaman hidup mahasiswa/mahasiswi atau perubahan sosial masyarakat dan kedudukan UTM dalam konteks perkembangan ilmu di Malaysia. Ini diwarnakan lagi dengan catatan peribadi dan kehidupan dua orang Alumni UTM yang telah berjaya dalam kerjaya masing-masing iaitu kartunis Ahmad Hilmy Abdullah (Mie) dan Kartunis Amir Astar Lukman (Amir Astar) serta penceritaan disampaikan oleh Prof. Madya Mahmud Mohamad Jusan (Mahmud Jusan) yang juga alumni UTM.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi dan UTM. Buku ini diterbitkan dalam dua versi iaitu jilid dan kulit lembut dengan harga pasaran RM48.00 dan terbitan khas kulit keras dengan harga RM78.00. Buku ini akan mula diedarkan di kedai-kedai buku utama dalam masa terdekat atau boleh dibeli dalam talian dengan melayari laman web *www.booksonline.my*.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Yosman Mohd. Bain
Pegawai Penerbitan Kanan
Penerbit UTM Press
Hubungi: 07 5535754
E-mel: yosman@utm.my